

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan sistem e-filing yang kini digunakan secara luas di mahkamah-mahkamah sivil untuk turut digunapakai di mahkamah-mahkamah syariah untuk mempercepatkan proses keadilan di mahkamah syariah.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), mahkamah-mahkamah Syariah juga tidak boleh ketinggalan daripada menggunakan teknologi di dalam urusan mereka.
2. Pada 3 Mei 2021, Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak RM 3.49 juta bagi meneruskan projek transformasi E-Syariah Versi Ke-3 (ESV3). ESV3 meliputi 16 komponen iaitu Pengurusan Kes Mahkamah Syariah termasuklah e-filing, Pendaftaran Peguam Syarie, Pengurusan Dokumen, Key Performance Indicator (KPI), Statistik, *Business Intelligence* (BI), e-Nasihat, Portal e-Syariah, Pengurusan Latihan, e-Aduan, Meja Bantuan ICT, Aplikasi Mobile, Integrasi, Kewangan, Keselamatan dan Migrasi Data.
3. Projek transformasi ESV3 yang dijangka siap pada tahun 2023 ini akan menyokong kepada proses pengurusan dan pendengaran kes secara dalam talian yang akan digunakan oleh 205 buah mahkamah Syariah di seluruh negara.